

**IMPLIKASI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN KE ATAS
TANJONG MALIM DAN PENDUDUKNYA**

Oleh

ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah
Kajian senibina Perancangan dan Ukur
Institut Teknologi Mara

Mei 1996

PENGHARGAAN

Assalamulaikum wbr,

Alhamdulillah..., bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana berkat limpah kurnia dan hidayah serta petunjuk yang diberikan, akhirnya dapat juga saya memenuhi tuntutan syarat bagi pelajar Diploma Perancangan Bandar & Wilayah 06, untuk menyediakan laporan kajian akhir ini.

Bersama-sama ini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga terhadap hasil usaha yang tidak ternilai kepada semua pihak yang terlibat di dalam perlaksanaan kajian akhir ini terutamanya khas buat penyelia saya Puan Fatimah bt. Yusof, kerana tidak jemu-jemu memberi bimbingan tunjuk ajar sepanjang saya menghasilkan laporan ini.

Ucapan penghargaan terima kasih saya ucapkan buat semua pensyarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di ITM. Di samping itu ingin saya coretkan terima kasih kepada pihak-pihak dan pegawai-pegawai jabatan kerajaan yang telah memberi kerjasama ketika saya di dalam peringkat pengumpulan maklumat.

1. En. Fauzi b. Abbas,

Pegawai Penilaian, Majlis Daerah Tanjong Malim

ABSTRAK

Pembangunan ekonomi di sebilangan negara-negara maju adalah berasaskan kepada perindustrian. Perkembangan sektor ini diyakini dapat memajukan perkembangan ekonomi sesuatu kawasan dari segi peranannya dalam penyerapan gunatenaga, keluaran hasil, pendapatan dan peningkatan taraf hidup.

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti apakah implikasi pembangunan perindustrian yang dibangunkan terhadap penduduk di sesuatu kawasan tersebut khasnya terhadap peningkatan taraf hidup. Selain daripada itu, persoalan yang diutarakan di dalam kajian ini ialah mengenai apakah kriteria yang diperlukan bagi sesuatu kawasan tersebut di dalam pembangunan kawasan perindustrian yang dibangunkan.

Bagi menjayakan kajian ini, ianya mengambilkira peranan dan persediaan yang dimainkan oleh pihak-pihak yang terbabit di dalam menjayakan perancangan dan pembangunan kawasan perindustrian tersebut seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Negeri, pihak swasta serta penduduk setempat. Berdasarkan daripada perkara ini, kajian ini diimplementasikan.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah dan Pelan	iv
Senarai Lampiran	v
Senarai Singkat Kata	vi

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Tujuan Kajian	3
1.3 Skop Kajian	4
1.4 Pendekatan Kajian	5
1.5 Kaedah Kajian	8
1.6 Kesimpulan	10

BAB 2 KAJIAN ILMIAH

2.1 Pengenalan	12
2.2 Definisi dan Pengertian Perindustrian	13
2.3 Peranan dan Kepentingan Perindustrian	14
2.4 Dasar Perindustrian di Malaysia	21
2.5 Proses Perbandaran di Malaysia	24
2.6 Kesimpulan	32

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sektor Perindustrian memainkan peranan utama di dalam sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan di samping mempelbagaikan kegiatan-kegiatan aktiviti, sumber pendapatan penduduk dan untuk menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan.

Sehingga kini, sektor perindustrian telah menjadi satu perolehan utama di Negeri Perak Darul Redzuan dan menunjukkan prestasi yang amat menggalakkan. Dalam tahun 1975, ia telah menyumbangkan sebanyak RM487 juta atau 12.5% hasil keluaran negara kasar (KNK). Jumlah ini telah meningkat kepada RM1,086.5 juta atau 18.2% pada tahun 1988 dari keseluruhan hasil keluaran negeri Perak Darul Redzuan.

Untuk kemajuan yang seterusnya, kerajaan Negeri Perak telah mengenalpasti beberapa jenis projek industri berpotensi untuk dijayakan. Di antara projek-projek yang sedang dalam pembangunan adalah seperti di Lembah Bernam yang merangkumi sempadan Negeri Perak dan Selangor untuk